



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

MAKLUMBALAS KEMENTERIAN KERJA RAYA MENGENAI DAKWAAN KENAIKAN TOL SEPERTI YANG DIVIRALKAN

Merujuk kepada laporan yang diviralkan mengenai kenaikan tol di media sosial selain turut disebarikan melalui aplikasi whatsapp, ia sebenarnya adalah laporan lama yang di kitar semula oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Ini jelas apabila laporan berkenaan memetik tarikh dan hari yang salah dengan menyebut kenaikan tol kononnya akan berkuatkuasa pada Isnin 16 November, pada hal 16 November 2016 jatuh pada hari Rabu.

Untuk makluman setakat ini belum ada sebarang keputusan dibuat mengenai kenaikan Tol dan justeru laporan yang diviralkan terutama di media sosial itu adalah palsu.

KEMENTERIAN KERJA RAYA

14 OKTOBER 2016

2/2

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my